A

Vicknesvaran a/l Muniandy lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN JENAYAH NO MA-41S-8–08 TAHUN 2023
MOHD RADZI ABDUL HAMID H
13 DISEMBER 2024

C

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Pertuduhan cacat — Kesalahan di bawah s 148 Kanun Keseksaan — Sama ada terdapat keperluan untuk menyatakan mens rea perbuatan perhimpunan haram atau merusuh dan actus reus dalam pertuduhan — Sama ada pertuduhan cacat

D

Undang-Undang Jenayah — Rayuan jenayah — Hukuman di bawah s148 Kanun Keseksaan — Sama ada majistret terkhilaf apabila tidak memberi tertuduh peluang membuat hujahan mitigasi sebelum menjatuhkan hukuman — Sama ada mahkamah mempunyai tugas meminta tertuduh membuat hujahan mitigasi sebelum menjatuhkan hukuman — Kanun Tatacara Jenayah s 173

E

Perayu pada asalnya telah dituduh bersama tujuh orang lain tetapi telah dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) di bawah kes tersebut. Kemudiannya, perayu telah dituduh semula di bawah s 148 Kanun Keseksaan. Seramai tujuh orang tertuduh telah mengaku salah dan dikenakan hukuman denda RM2,000. Perayu tidak mengaku salah dan mohon untuk dibicarakan. Di akhir kes pendakwaan, majistret telah meminda pertuduhan terhadap perayu dengan memasukkan perkataan 'dengan tujuh orang lain yang telah mengaku salah' selepas perkataan 'bersama-sama' selaras dengan peruntukan s 158 Kanun Tatacara Jenayah. Selepas membuat dapatan bahawa kes prima facie telah dibuktikan, majistret memerintahkan perayu membela diri. Di akhir kes pembelaan, majistret mendapati perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan menyabitkan perayu sepertimana yang dipertuduhkan dan menjatuhkan hukuman denda RM5,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara tanpa meminta apa-apa rayuan mitigasi dari perayu. Oleh itu, rayuan ini. Isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah: (a) sama ada pertuduhan terhadap perayu adalah cacat kerana gagal menyebut tentang mens rea melakukan perbuatan merusuh; dan (b) sama ada majistret terkhilaf apabila tidak memberi peluang kepada perayu untuk membuat hujahan mitigasi sebelum menjatuhkan hukuman.

F

G

H

I

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Definisi merusuh di bawah s 146 Kanun Keseksaan sendiri telah merangkumi elemen perhimpunan haram yang melibatkan lebih dari lima orang dan penggunaan kekerasan atau keganasan yang didefinisikan di bawah s 349 Kanun Keseksaan dan s 350 Kanun Keseksaan. Maka, satu pertuduhan di bawah s 148 Kanun Keseksaan tidak perlu untuk memperincikan butiran perhimpunan haram itu dan niat melakukan kekerasan atau keganasan. Juga, tiada keperluan untuk menyatakan mens rea perbuatan perhimpunan haram atau merusuh dan actus reus nya kerana kedua-dua perkara perhimpunan haram dan merusuh telah diberikan definisi masing-masing; dalam menyebut merusuh, kedua-dua perkara mens rea dan actus reus telah dirangkumkan dalam pertuduhan. Berikutan itu, tiada merit di atas isu ini dan tidak ada alasan untuk mahkamah mengganggu dapatan sabitan ke atas perayu (lihat perenggan 9 & 11–12).

(2) Seksyen 173 Kanun Tatacara Jenayah tidak memperuntukkan kewajipan kepada mahkamah untuk mempertimbangkan terlebih dahulu satu rayuan mitigasi sebelum hukuman dijatuhkan. Walau bagaimanapun, mahkamah tidak harus menutup peluang pesalah sama ada terhadap peguamnya atau pesalah itu sendiri dalam mengemukakan fakta atau maklumat yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menentukan kewajaran hukuman yang bakal dijatuhkan (perenggan 15).

(3) Walaupun faktor mitigasi tidak dikemukakan kepada majistret, hukuman yang telah dijatuhkan adalah tetap setimpal dengan kesalahan yang telah disabitkan terhadap perayu. Majistret telah memilih untuk tidak menjatuhkan hukuman penjara tetapi sebaliknya hanya mengenakan hukuman denda terhadap perayu dan ini menunjukkan bahawa majistret telah mengambil kira faktor kepentingan perayu sebelum menjatuhkan hukuman terhadap perayu. Justeru, tiada merit di dalam rayuan ini dan keputusan serta hukuman yang dijatuhkan oleh majistret dikekalkan terhadap perayu (perenggan 21–22).

[English summary

The appellant was originally charged with seven other persons but was discharged not amounting acquittal (DNAA) under the case. Subsequently, the appellant was charged again under s 148 of the Penal Code. A total of seven accused pleaded guilty and were sentenced to a fine of RM2,000. The appellant pleaded not guilty and sought to be tried. At the end of the prosecution case, the magistrate amended the charge against the appellant by inserting the words 'with seven other persons who have pleaded guilty' after the word 'together' in accordance with the provisions of s 158 of the Criminal Procedure Code. After finding that a prima facie case had been proven, the magistrate ordered the appellant to enter his defence. At the end of the defence case, the magistrate found that the appellant had failed to raise reasonable doubt against the

prosecution case and convicted the appellant as charged and sentenced him to a fine of RM5,000 failure to pay 12 months imprisonment without any mitigation from the appellant. Therefore, the appeal. The issues raised for the court's consideration were: (a) whether the charge against the appellant was defective for failing to mention the mens rea of committing the act of rioting; and (b) whether the magistrate erred in not giving the appellant an opportunity to make a mitigating argument before imposing sentence.

Held, dismissing the appeal:

(1) The definition of rioting under s 146 of the Penal Code itself includes the elements of an unlawful assembly involving more than five persons and the use of force or violence as defined under s 349 of the Penal Code and s 350 of the Penal Code. Therefore, a charge under s 148 of the Penal Code did not need to specify the details of the unlawful assembly and the intention to commit force or violence. Also, there was no need to state the mens rea of the act of unlawful assembly or rioting and its actus reus because both the charges of unlawful assembly and rioting have been given their respective definitions; in mentioning rioting, both the mens rea and actus reus have been included in the charge. Accordingly, there was no merit on this issue and there was no reason for the court to disturb the finding of conviction on the appellant (see paras 9 & 11–12).

(2) Section 173 of the Criminal Procedure Code did not impose a duty on the court to consider a mitigation appeal before imposing a sentence. However, the court must not deny the offender, either to his lawyer or to the offender himself, the opportunity to present facts or information that the court may consider in determining the appropriateness of the sentence to be imposed (para 15).

(3) Although the mitigating factors were not submitted to the magistrate, the sentence imposed was still commensurate with the offence for which the appellant was convicted. The magistrate chose not to impose a imprisonment but instead only imposed a fine on the appellant and this shows that the magistrate took into account the factors of the appellant's interest before imposing a sentence on the appellant. Therefore, there was no merit in this appeal and the decision and sentence imposed by the magistrate are upheld against the appellant (paras 21–22).]

Kes-kes yang dirujuk

AB Malek bin Atan v PP [2002] 4 MLJ 84; [2002] 6 CLJ 405, MT (dirujuk)
Anuar bin Ghazali v PP [2021] 9 MLJ 409; [2021] 2 CLJ 245, MT (dibeza)
Lee Kwan Woh v PP [2009] 5 MLJ 301; [2009] 5 CLJ 631, MP (dirujuk)
Letitia Bosman v PP and other appeals (No 1) [2020] 5 MLJ 277; [2020] 8 CLJ 147, MP (dirujuk)
Lim Guan Eng v PP [1998] 3 MLJ 14; [1998] 3 CLJ 769, MR (dirujuk)

A *Ng Ai Tiong v PP* [2000] 1 SLR(R) 490, MT (dirujuk)
Nordin bin Noor lwn Pendakwa Raya [2022] MLJU 3217; [2022] CLJU 2996, MT (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315; [1981] CLJU 28; [1981] 1 LNS 28 (dirujuk)
B *PP v Mohamad bin Sabu* [2012] 7 MLJ 547; [2012] 5 CLJ 246, MT (dibeza)
PP v Morah Chekwube Chukwudi [2017] MLJU 958; [2017] 1 LNS 864, MR (dirujuk)
PP v Teoh Choon Teck [1963] 1 MLJ 34; [1962] CLJU 141; [1962] 1 LNS 141 (dirujuk)
C *Pendakwa Raya (M) Sdn Bhd v Punithan a/l Naleytambe dan satu lagi perbicaraan jenayah* [2019] MLJU 1620; [2019] CLJU 1251, MT (dirujuk)
Taufik Goh bin Abdullah v PP [2021] MLJU 2709; [2022] 2 CLJ 967, MT (dirujuk)

D **Undang-undang yang dirujuk**

Kanun Keseksaan ss 146, 148, 160, 186, 349, 350, 375
Kanun Tatacara Jenayah ss 158, 173, 173(m)(ii)
Perlembagaan Persekutuan perkara 5

E *Peter Gan (Peter Gan & Co) bagi pihak perayu.*
Muhammad Nazrin Ali bin Rahim (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka) bagi pihak responden.

Mohd Radzi Abdul Hamid H:

F

PERKARA DI HADAPAN MAHKAMAH

[1] Ini adalah keputusan terhadap rayuan perayu yang telah terkilan dengan keputusan mahkamah majistret yang telah mensabitkan perayu dengan satu
G kesalahan di bawah s 148 Kanun Keseksaan dan seterusnya menjatuhkan hukuman denda RM5,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara ke atas perayu. Perayu tidak berpuas hati dan telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Puan majistret terpelajar tersebut atas sabitan dan hukuman.

H **[2]** Pihak-pihak akan dirujuk sebagai perayu dan responden di dalam rayuan ini.

LATAR BELAKANG

I **[3]** Fakta di dalam rayuan ini menyatakan bahawa perayu pada asalnya telah dituduh bersama tujuh orang lain di bawah Kes MA-83–812–07 Tahun 2021. Perayu kemudiannya telah dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) di bawah kes tersebut tetapi kemudiannya dituduh semula di bawah Kes MA-83–1207–09 Tahun 2022 untuk kesalahan di bawah s 148 Kanun Keseksaan. Seramai tujuh

orang tertuduh telah mengaku salah dan dikenakan hukuman denda RM2,000. Perayu tidak mengaku salah dan mohon untuk dibicarakan. Di akhir kes pendakwaan, Puan majistret yang terpelajar telah meminda pertuduhan terhadap perayu dengan memasukkan perkataan 'dengan tujuh orang lain yang telah mengaku salah' selepas perkataan 'bersama-sama' selaras peruntukan s 158 Kanun Tatacara Jenayah. Pertuduhan pindaan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Pertuduhan pindaan
>
> Bahawa kamu bersama-sama dengan tujuh orang lagi yang telah mengaku salah pada 10.07.2021 jam lebih kurang 11.00 malam bertempat di kaki lima Tingkat 4, Blok B, Jalan PPM 3, Rumah Pangsa Pandan Malim dalam daerah Melaka Tengah di dalam Negeri Melaka telah didapati merusuh dengan menggunakan senjata kayu dan pisau. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan.

[4] Puan majistret yang terpelajar telah membuat dapatan prima facie di akhir kes pendakwaan dan memerintahkan perayu memasukkan pembelaan. Di akhir kes pembelaan, Puan majistret mendapati perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan telah disabitkan dengan kesalahan sepertimana yang dipertuduhkan. Semasa menjatuhkan hukuman terhadap perayu, Puan majistret telah terus menjatuhkan hukuman denda RM5,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara tanpa meminta apa-apa rayuan mitigasi dari perayu. Pada masa yang material, perayu diwakili peguam.

ISU UNTUK DIBICARAKAN

[5] Di dalam rayuan ini, perayu telah membangkitkan dua isu. Isu pertama adalah mengenai isu sama ada pertuduhan terhadap perayu adalah cacat kerana gagal menyebut tentang mens rea melakukan perbuatan merusuh; dan isu kedua, sama ada Puan majistret yang terpelajar telah terkhilaf apabila tidak memberi peluang kepada perayu untuk membuat hujahan mitigasi sebelum menjatuhkan hukuman.

Isu pertama: Sama ada pertuduhan terhadap perayu adalah cacat

[6] Mengenai isu pertama, peguam perayu menghujahkan bahawa Puan majistret telah terkhilaf apabila Puan majistret dikatakan tidak membaca peruntukan s 148 Kanun Keseksaan bersama s 146 Kanun Keseksaan dan juga terkhilaf apabila tidak mendapati pertuduhan itu mengandungi kecacatan mengenai mens rea dan actus reus yang merupakan kesalahan di bawah s 148 Kanun Keseksaan. Rujukan telah dibuat kepada keputusan di dalam kes *Public Prosecutor v Mohamad bin Sabu* [2012] 7 MLJ 547; [2012] 5 CLJ 246, *Public Prosecutor v Teoh Choon Teck* [1963] 1 MLJ 34; [1962] CLJU 141; [1962] 1 LNS 141 dan *Anuar bin Ghazali v Public Prosecutor* [2021] 9

A MLJ 409; [2021] 2 CLJ 245.

[7] Pihak responden pula menghujahkan pembacaan s 349 Kanun Keseksaan mengenai definisi kekerasan, s 350 Kanun Keseksaan mengenai kekerasan jenayah dan s 148 Kanun Keseksaan menunjukkan pertuduhan di
B dalam kes ini telah pun menyatakan inti pati pertuduhan dengan tepat dan jelas. Maka, tidak berlaku kekeliruan di dalam pertuduhan yang menyebabkan perayu telah diprejudiskan dalam membuat pembelaannya.

C **[8]** Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati pertuduhan terpinda jelas menunjukkan inti pati pertuduhan untuk kesalahan di bawah s 148 Kanun Keseksaan iaitu:

(a) perayu telah merusuh (yang mana perkataan merusuh di definisi s 146 Kanun Keseksaan); dan

D

(b) dalam melakukan rusuhan perayu telah menggunakan senjata.

[9] Pada pendapat mahkamah definisi merusuh di bawah s 146 Kanun Keseksaan itu sendiri telah merangkumi elemen perhimpunan haram yang
E melibatkan lebih dari lima orang dan penggunaan kekerasan atau keganasan yang didefinisikan di bawah s 349 Kanun Keseksaan dan s 350 Kanun Keseksaan. Maka, satu pertuduhan di bawah s 148 Kanun Keseksaan tidak perlu untuk memperincikan butiran perhimpunan haram itu dan niat melakukan kekerasan atau keganasan.

F

[10] Mahkamah ini merujuk kepada keputusan di dalam *AB Malek bin Atan v Public Prosecutor* [2002] 4 MLJ 84; [2002] 6 CLJ 405 yang mana telah dibangkitkan isu sama ada pertuduhan merogol terhadap perayu adalah cacat kerana pihak pendakwaan telah gagal menyatakan di dalam pertuduhan di
G bawah peruntukan yang mana satu ceraian perbuatan rogol di bawah s 375 Kanun Keseksaan yang diguna pakai oleh pihak pendakwaan terhadap perayu. Dalam menolak isu itu, hakim Augustine Paul HMT (pada ketika itu) telah membuat keputusan bahawa kegagalan itu tidak fatal kerana ceraian-ceraian itu hanya memberikan contoh jenis perbuatan hubungan
H kelamin:

> Pursuant to s 375 of the Code, a man who has sexual intercourse with a woman under any of the circumstances enumerated therein is said to commit 'rape'. Sexual intercourse under any of the prescribed circumstances has thus been given the specific name of 'rape'. The corollary is that an offence of rape may be described in
I the charge by that name only. It is therefore not necessary to identify the specific limb of s 375 of the Code under which the case of the accused falls. In the circumstances, the charges preferred against the accused are not defective.

[11] Maka berbalik kepada pertuduhan di bawah s 148 Kanun Keseksaan,

tidak ada keperluan untuk menyatakan mens rea perbuatan perhimpunan haram atau merusuh dan actus reus nya kerana kedua-dua perkara perhimpunan haram dan merusuh telah diberikan definisi masing masing, maka dalam menyebut perbuatan merusuh kedua-dua perkara mens rea dan actus reus telah pun dirangkumkan di dalam pertuduhan. Di atas pertimbangan tersebut mahkamah tidak mendapati keputusan di dalam kes *Muhamad bin Sabu* adalah relevan kerana peruntukan s 186 Kanun Keseksaan di dalam kes itu sememangnya merujuk kepada satu perbuatan dengan niat sengaja yang menyentuh mens rea tetapi s 148 Kanun Keseksaan tidak mempunyai rujukan yang sama. Di atas pertimbangan tersebut juga mahkamah tidak mendapati keputusan di dalam kes *Anuar bin Ghazali* dapat membantu perayu kerana isu yang dibangkitkan adalah mengenai kekaburan perkara yang menjadi inti pati perbuatan pecah amanah di dalam pertuduhan.

[12] Sebagai kesimpulan, mahkamah tidak mendapati ada merit di atas isu ini dan tidak ada alasan untuk mahkamah ini mengganggu dapatan sabitan ke atas perayu.

Isu kedua: Sama ada Puan majistret terkhilaf apabila tidak mendengar hujahan mitigasi daripada perayu

[13] Di atas isu ini perayu telah menghujahkan bahawa berpandukan perkara 5 Perlembagaan Persekutuan, perayu berhak untuk didengar rayuan mitigasinya sebagai suatu keperluan dalam menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang. Maka, perayu menghujahkan bahawa Puan majistret telah terkhilaf apabila tidak memberikan peluang tersebut kepada perayu. Rujukan telah dibuat kepada keputusan di dalam *Lee Kwan Woh v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301; [2009] 5 CLJ 631.

[14] Pihak responden pula menghujahkan bahawa satu rayuan mitigasi bukan satu perkara mandatori yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah seperti yang telah disentuh oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Letitia Bosman v Public Prosecutor and other appeals (No 1)* [2020] 5 MLJ 277; [2020] 8 CLJ 147dan oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes *Taufik Goh bin Abdullah v Public Prosecutor* [2021] MLJU 2709; [2022] 2 CLJ 967.

[15] Dalam membincangkan isu ini, adalah jelas s 173 Kanun Tatacara Jenayah tidak memperuntukkan kewajipan kepada mahkamah untuk mempertimbangkan terlebih dahulu satu rayuan mitigasi sebelum hukuman dijatuhkan. Seksyen 173(m)(ii) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> 173 Procedure in summary trials
>
> (m)(i) ...

A (ii) *If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it and the Court shall pass sentence according to law*

Pembacaan literal terhadap s 173(m)(ii) Kanun Tatacara Jenayah hanya memperuntukan selepas mensabitkan tertuduh dengan kesalahan mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang yang diperuntukkan rujukan dibuat kepada kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315; [1981] CLJU 28; [1981] 1 LNS 28 (yang juga disebut oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Letitia Bosman*):

'A sentence according to law' means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles. In assessing sentence, one of the main factors to be considered is whether the convicted person is a first offender. It is for this purpose that before passing sentence, a magistrate is required to call for evidence or information regarding the background, antecedent and character of the accused. Where the convicted person has previous records and admits them as correct, the court must consider whether the offence or offences committed previously were of similar nature as the one with which he is presently charged. The court must then consider the sentences imposed in the previous convictions for similar offences to determine whether they have had any deterrent effect on him. Where he is found to be a persistent offender for a similar type of offences, then it is in the interest of justice that a deterrent sentence should be passed and, in such a case, unless there are exceptional circumstances, the quantity, nature or value of the subject-matter of the offence with which he is currently charged can very rarely constitute a mitigating factor.

[16] Adalah jelas dari keputusan tersebut, tugas menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang terangkum di bawahnya tugas untuk mempertimbang faktor yang dapat memitigasikan hukuman. Perkara ini telah juga dipersetujui oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Letitia Bosman* apabila Azahar Mohamed KHM menyatakan seperti berikut:

[124] ... Although there is no provision in the CPC for a plea in mitigation in High Court trials, nevertheless as a matter of fact, in practice it is quite common to allow a plea in mitigation before the court imposes sentence. After the accused has submitted the mitigation plea, the prosecution will submit the aggravating factors for the purpose of pressing for a heavy sentence.

[125] In passing sentence, the court takes into consideration the mitigating and aggravating factors in order to ensure that the sentence is in accordance with the law. Passing a sentence according to law means the sentence imposed must not only be within the ambit of the sentence period stipulated but also assessed and passed according to established judicial principles (see *Jafa bin Daud* at p 316 of the judgment of Mohamed Azmi J).

[126] It can be seen from the foregoing discussion that in a case where a law does not fix a mandatory sentence for a particular crime, a judge is given a broad discretion to determine the appropriate sentence for an offender. Both the defence and the

prosecution assist the court by forwarding submissions pertaining to sentence. In such circumstances, a mitigation plea is a constituent element of the sentencing process (see *Zaidon bin Shariff v Public Prosecutor* [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441). A plea in mitigation must be considered together with the aggravating factors so as to strike a balance in the scale of justice (see *Raja Izzuddin Shah v Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 270, *Fu Foo Tong & Ors v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 448).

[17] Walaupun mahkamah tidak mempunyai tugas untuk meminta pesalah membuat hujahan mitigasi (lihat *Ng Ai Tiong v Public Prosecutor* [2000] 1 SLR(R) 490) namun adalah jelas dari petikan dari kes-kes tadi mahkamah tidak harus menutup peluang pesalah sama ada terhadap peguamnya atau pesalah itu sendiri dalam mengemukakan fakta atau maklumat yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menentukan kewajaran hukuman yang bakal dijatuhkan. Dalam erti kata lain, penggunaan kuasa mahkamah dalam mendengar faktor mitigasi adalah selaras dengan tugas mahkamah menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang. Pada pendapat mahkamah ini dalam keadaan mana pesalah tidak diwakili peguam mahkamah harus, sebagai satu amalan keadilan sejagat atau 'natural justice' memaklumkan pesalah mengenai kebolehan untuk membuat rayuan peringanan hukuman atas apa jua faktor yang munasabah.

[18] Merujuk kepada alasan penghakiman Puan majistret di dalam rayuan ini beliau sendiri telah mengakui di perenggan 86 alasan penghakimannya bahawa beliau telah terkhilaf apabila tidak menjemput pihak pembelaan mengemukakan rayuan mitigasi. Kendatipun begitu, Puan majistret telah menyatakan beliau telah mengambil kira-kira prinsip-prinsip hukuman yang telah digariskan di dalam, di antaranya kes *Public Prosecutor v Morah Chekwube Chukwudi* [2017] MLJU 958; [2017] 1 LNS 864, *Lim Guan Eng v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 14; [1998] 3 CLJ 769; *Nordin bin Noor lwn Pendakwa Raya* [2022] MLJU 3217; [2022] CLJU 2996 dan *Pendakwa Raya (M) Sdn Bhd v Punithan a/l Naleytambe dan satu lagi perbicaraan jenayah* [2019] MLJU 1620; [2019] CLJU 1251. Khususnya beliau telah mengambil kira faktor trend hukuman dan pertimbangan hukuman denda lebih rendah kepada tujuh tertuduh lain yang mengaku salah berbanding perayu yang telah mohon untuk dibicarakan.

[19] Di atas pertimbangan tersebut, apakah terdapat sebab untuk mengganggu hukuman denda RM5,000 yang telah dijatuhkan dalam keadaan di mana hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah adalah penjara untuk tempoh lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Pihak perayu telah mengemukakan faktor-faktor mitigasi untuk pertimbangan mahkamah ini.

[20] Di antara faktor-faktor mitigasi yang dikemukakan adalah:

(a) tiada keterangan yang menunjukkan pisau yang dibawa oleh perayu telah digunakan untuk mencederakan orang atau merosakkan harta benda awam;

(b) rusuhan itu lebih bersifat perang mulut antara dua kumpulan;

(c) perbuatan rusuh itu tidak berlaku dalam kawasan lapang atau terbuka tetapi terhad kepada ruang lorong kaki lima di hadapan unit flat di mana perayu tinggal; dan

(d) perayu tidak mempunyai pekerjaan tetap; dan

(e) Peguam perayu juga telah menjemput mahkamah ini untuk mempertimbangkan menjatuhkan hukuman lebih ringan sejajar dengan satu kesalahan di bawah s 160 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menggangu ketenteraman awam.

[21] Setelah mempertimbangkan hujahan pihak-pihak, pertama sekali mahkamah ini tidak dapat mempertimbangkan menjatuhkan hukuman mengikut s 160 Kanun Keseksaan kerana ia bukan pertuduhan di dalam kes ini. Di samping itu, hujahan perayu terhadap sabitan hanyalah tertumpu kepada isu kecacatan pertuduhan dan bukan atas isu bahawa keterangan hanya menyokong satu sabitan dibawah s 160 Kanun Keseksaan.

Setelah mempertimbangkan faktor mitigasi yang dikemukakan, mahkamah mendapati walaupun faktor mitigasi tidak dikemukakan kepada Puan majistret pada ketika itu, hukuman yang telah dijatuhkan adalah tetap setimpal dengan kesalahan yang telah disabitkan terhadap perayu. Puan majistret telah memilih untuk tidak menjatuhkan hukuman penjara tetapi sebaliknya hanya mengenakan hukuman denda terhadap perayu dan ini menunjukkan bahawa Puan majistret telah mengambil kira faktor kepentingan perayu sebelum menjatuhkan hukuman terhadap perayu bagi kesalahan di bawah s 148 Kanun Keseksaan.

KEPUTUSAN

[22] Berdasarkan pertimbangan dan dapatan di atas, mahkamah mendapati tiada merit di dalam rayuan ini. Rayuan perayu ditolak dan keputusan serta hukuman yang dijatuhkan oleh Puan majistret yang terpelajar dikekalkan terhadap perayu.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh K Selvaraju